

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

KAMAR KHAS 17(1)

UCAPAN OLEH : YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH UCAPAN : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

**KEMENTERIAN : KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
ALAM SEKITAR**

UCAPAN :

Pada tahun 2016 sahaja, loji rawatan air Sungai Semenyih dan Hulu Langat di Negeri Selangor ditutup 4 kali disebabkan oleh pencemaran air.

Penutupan loji rawatan tersebut telah mengakibatkan terputusnya bekalan air di Selangor selatan dan ia berlangsung selama satu minggu atau lebih di kawasan yang terjejas. Sebagai pencegahan dan bagi mengatasi berulangnya masalah ini, sumber pencemaran perlu diteliti dan dipantau dengan ketat.

Terdapat dua punca utama pencemaran yang berlaku:

Pertamanya adalah disebabkan oleh pelepasan efluen perindustrian, dan keduanya adalah sisa kumbahan dari loji rawatan kumbahan.

Dari segi undang-undang,

- (i) Pemantauan pembuangan efluen perindustrian atau efluen bercampur adalah dibawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
- (ii) Pemantauan pembuangan kumbahan adalah dibawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Merujuk kepada Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Seksyen 7 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Seksyen 10; seseorang

“ Pemunya atau penghuni premis itu hendaklah mengemukakan rekod pertama data pemantauan pembuangan efluen (perindustrian) dan efluen bercampur (kumbahan) kepada Ketua Pengarah dalam masa tiga puluh (30) hari selepas permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini dan laporan yang berikutnya hendaklah dikemukakan dalam tiga puluh (30) hari selepas berakhirnya bulan calendar bagi laporan bulan terdahulu.”

Oleh itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mempunyai laporan pembuangan efluen dari penghuni premis yang lengkap untuk tujuan pemantauan.

Selain itu, saya juga mengambil maklum bahawa JAS sememangnya sudah mempunyai sistem pemantauan yang agak lengkap di mana kedudukan kilang-kilang, loji rawatan kumbahan dan punca-punca pencemaran telah ditandakan di peta GIS.

Dengan segala hormatnya, saya ingin mencadangkan agar Kementerian

Sumber Asli dan Alam Sekitar membolehkan orang awam untuk mengakses laporan bulanan pembuangan efluen yang dikemukakan oleh pihak penghuni premis dan meminta JAS memuatnaik peta kedudukan pencemaran untuk pemantauan oleh orang awam. Saya juga cadangkan supaya sistem 'real-time monitoring' boleh dilaksanakan seperti apa yang ada dilakukan oleh JPS di <http://publicinfobanjir.water.gov.my/>. Saya difahamkan bahawa terdapat sistem 'real-time monitoring' yang telah disediakan oleh pihak JAS di Selangor. Saya cadangkan supaya sistem ini boleh diubahsuai untuk membolehkan orang ramai mengakses laman web ini dengan maklumat piawaian secara 'real time'.

Antara kebaikan perlaksanaan cadangan-cadangan tersebut adalah:

- (i) Orang awam dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengetahui manakah kilang yang berlesen atau kilang haram dengan laporan bulanan pembuangan efluen yang dikemukakan;
- (ii) Orang awam akan mengambil maklum bahawa JAS mengumpul maklumat tersebut dari semasa ke semasa dengan mengikuti piawaian dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Dengan demikian, saya meminta jasa baik Kementerian untuk bekerjasama bagi menangani pencemaran air yang serius ini kerana ia melibatkan kesejahteraan dan kebajikan orang awam dan sebagai salah satu cara untuk memantau penghuni premis dengan teliti.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sememangnya memantau laporan-laporan pembuangan efluen dari premis melalui sistem *Online Environmental Reporting* (OER) selaras dengan kehendak di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 di samping sentiasa mengemaskini maklumat premis-premis industri serta punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling melalui aplikasi geospasial Alam Sekitar (GEOSpAS) bagi tujuan pemantauan dan pengesanan punca pencemaran oleh pihak JAS sekiranya berlaku insiden pencemaran atau aduan.

Walau bagaimanapun, JAS tidak boleh menzahirkan apa-apa maklumat di atas selaras dengan peruntukan Seksyen 50, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Perahsiaan) yang tidak membenarkan sebarang maklumat dikeluarkan berkenaan dengan pentadbiran atau pelaksanaan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya berhubung dengan apa-apa proses pengilangan atau rahsia tred yang digunakan pada menjalankan sesuatu tred, perindustrian atau proses tertentu.

Maklumat-maklumat geospasial juga adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta tersebut. Juga berkaitan adalah Surat Pekeliling Am BII 1, 2007 - Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat. Sekatan Keselamatan Ke Atas Dokumen Geospasial Terperingkat bertujuan untuk mengimbangi keperluan bagi mengadakan sekatan keselamatan terhadap dokumen keselamatan sensitif, peta rasmi, data berdigit dan citraan, dengan keperluan bagi mengadakan maklumat-maklumat tersebut bagi pembangunan ekonomi negara. Butiran yang sensitif perlu kepada sekatan supaya tidak dipergunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Pada masa ini, maklumat laporan bulanan pembuangan efluen dan maklumat geospasial punca-punca pencemaran yang tersedia adalah untuk kegunaan pihak JAS dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat laporan bulanan pembuangan efluent bukanlah data "real time".

Sekian, terima kasih.